



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

19 APRIL 2022 (SELASA)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHRAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

19 APRIL 2022 (SELASA)

Don't raise prices with EPF withdrawal, traders warned

PETALING JAYA: Traders are warned not to hike the prices of basic essentials following the disbursement of the special Employees Provident Fund withdrawal of up to RM10,000.

Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said it would continue to monitor the prices of essential items at all levels of retail across the country.

"We will continue to beef up surveillance and enforcement to curb increases, especially during Ramadan and ahead of the Hari Raya celebration," he said yesterday.

The Ops Pantau 2022 is aimed at ensuring that consumers have easy access to food supplies and daily necessities at reasonable prices.

He advised traders to follow all the guidelines set by the ministry.

"If there's any report from consumer, we will investigate it.

"I hope traders will not take advantage of the EPF special with-



Close watch: Alexander (in white) with enforcement officers checking on the supply and prices of essential goods at a supermarket in Labuan. — Bernama

drawal to simply hike prices.

"Action will be taken if found guilty," he said, warning that the ministry had about 2,200 officers

on standby across the country to conduct checks and enforcement operations.

"We also have 72 enforcement

command centres at the district level to detect and monitor the prices of goods," he said.

Consumers, he added, should also be specific when lodging a report to help the ministry investigate all complaints.

"It will be easier for us if we have the exact name of the shop as well as the prices. Please don't make it too general," he said.

The ministry had previously explained that any complaint of price hike would be investigated thoroughly to determine the real reason behind such increase.

It also pointed out that as a country with an open economic system, the price of goods was commonly determined by demand and supply factors.

Under normal circumstances, traders could determine any change in the price of goods based on the market price, but certain items can be subjected to the enforcement of the Price Control and Anti-Profitteering Act 2011.

Ministry looks into claim of profiteering by airlines

KUALA LUMPUR: The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry is looking into claims of unfair airfare hikes during the festive season.

Its minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said it would investigate whether there were elements of profiteering in setting the prices of flight tickets by airlines.

"At the ministry level, we exercise our authority under the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011.

"Consumers' grouches on the airfare hike have been highlighted by the media.

"I was made to understand that the Malaysian Aviation Commis-

sion (Mavcom), which has jurisdiction in the aviation industry along with the Transport Ministry, has engaged airlines like AirAsia and Malaysia Airlines on this issue," the minister said after his walkabout at the *Jualan Murah* programme in Financial Park Complex in Labuan earlier yesterday.

During the press conference, Nanta also addressed the price hike of other items recently highlighted



Datuk Seri
Alexander Nanta
Linggi

in the federal territory.

He said he had a session with the Labuan Port Authority to get more details on the matter, which was caused by several factors, including transportation costs as well as the bureaucracy, which was a hassle for businesses.

"This issue does not only concern Labuan, but is also happening everywhere.

"We will go back and brainstorm among our high-level officers and gather feedback

(from stakeholders).

"We will see what else we can do to address the price hike issue. It is not easy as it involves a lot of factors, including the recent increase in fuel prices."

Meanwhile, a Mavcom spokesman said investigations into the airfare price hike was ongoing.

Mavcom will share its findings upon completion of the analysis that is currently being conducted," he said.

Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob had on Sunday warned airline operators against taking advantage of the balik kampung rush and raising their airfares.

PM umum khabar gembira kepada pengguna Jumaat ini

Keputusan hasil mesyuarat bincang isu kenaikan harga barangan harian

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dijangka membuat pengumuman melegakan pengguna pada Jumaat ini berkaitan harga barangan harian, termasuk ayam.

Beliau dijangka membuat pengumuman berkenaan selepas mempengerusikan Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL).

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata ia susulan hasil mesyuarat khas isu bekalan dan harga ayam di antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), baru-baru ini.

"Keputusan yang dicapai dalam mesyuarat itu akan dibawa ke mesyuarat khas NACCOL, Jumaat ini. Perdana Menteri akan mempengerusikan mesyuarat NACCOL, jadi mungkin ada pengumuman yang menggembirakan pengguna," katanya kepada BH.

Rosol juga memberi jami-

nan, pengguna tidak perlu bimbang dengan bekalan dan harga ayam menjelang Aidilfitri ini.



Rosol Wahid

Beliau memaklumkan, mesyuarat di antara KPDNHEP dan MAFI itu turut membincangkan isu harga telur yang juga mendapat permintaan tinggi pada Ramadan dan menjelang Aidilfitri.

"Bekalan dan harga kita bincangkan dalam mesyuarat antara kedua-dua kementerian, bersama barang keperluan

lain yang bukan hanya tertumpu kepada Aidilfitri, tetapi juga sehingga Jun kerana dalam bulan itu, ada perayaan Pesta Karamatan dan Hari Gawai," katanya.

Khamis lalu, Menteri Pertani-

an dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, dilaporkan berkata mesyuarat di antara kementeriannya dengan KPDNHEP, antara lain bagi membincangkan isu harga ayam, meliputi aspek kenaikan kos pengeluaran, subsidi dan harga siling jualan.

Antara perkara diteliti ialah pandangan beberapa pihak bahawa harga jualan siling ayam wajar dinaikkan daripada RM8.90 kepada RM9.90 sekilogram.

Harga siling RM8.90 sekilogram itu ditetapkan lebih sebulan lalu dan kos pengeluaran ayam kemudian naik lebih daripada itu, sekali gus kerajaan memberikan subsidi 60 sen.

Bagaimanapun, kadar subsidi berkenaan hanya sesuai ketika satu atau dua bulan lalu, manakala pengimportan jagung pula tidak statik dan meningkat dalam tempoh sama.

MAVCOM siasat syarikat penerbangan naikkan harga tiket ketara

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) sudah memulakan siasatan terhadap syarikat penerbangan yang didakwa menaikkan harga tiket dengan ketara menjelang Aidilfitri.

Jurucakap MAVCOM memaklumkan, siasatan isu kenaikan harga tiket pesawat, terutama untuk ke Sabah dan Sarawak yang dilaporkan melonjak melebihi 500 peratus, masih berjalan ketika ini.

Bellau memberi jaminan akan memaklumkan laporan berkenaan perkara itu selepas segala proses siasatan berakhir.

"Siasatan kenaikan harga tiket kapal terbang masih berjalan dan MAVCOM akan berkongsi laporan selepas selesai analisis yang dijalankan," katanya kepada *BH* semalam, mengulas isu kenaikan harga tiket kapal terbang, khususnya ke Sabah dan Sarawak dengan ada laporan mendakwa kenaikan mencecah lebih 500 peratus.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengingatkan pengendali syarikat penerbangan untuk tidak mengambil keuntungan secara berlebihan dengan menaikkan harga tiket ke Sabah dan Sarawak terlalu tinggi pada musim perayaan ini.

Tegasnya, kenaikan harga tiket itu yang dikatakan sehingga 500 peratus pada musim perayaan, disifatkan sebagai 'agak melampau' kerana rakyat tidak mempunyai alternatif untuk ke negeri berkenaan selain dengan kapal terbang.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengarahkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Kementerian Pengangkutan untuk meneliti kenaikan itu serta mencari jalan penyelesaian dengan pengendali syarikat penerbangan untuk menurunkan harga tiket.

Isu harga tiket penerbangan ke Sabah dan Sarawak menjadi tajuk perbualan hangat kebelakangan ini apabila harga dipaparkan pada laman web syarikat penerbangan meningkat sehingga RM2,000 bagi penerbangan dua hala ke Sabah atau Sarawak, peningkatan kira-kira 566 peratus berbanding sekitar RM300 bagi perjalanan sama pada hari biasa.

Sindiket seludup, jual diesel subsidi RM1.42j tumpas

JOHOR BAHRU: Hanya selepas dua minggu beroperasi, satu rangkaian sindiket penyeludupan minyak diesel bersubsidi yang menjual semula bekalan itu di sekitar daerah ini dan Klang, Selangor ditumpaskan pihak berkuasa.

Ia susulan kejayaan Batalion 5 Pasukan Gerakan Am (PGA) menahan tiga lelaki terdiri daripada dua rakyat tempatan dan seorang warga Indonesia di sebuah premis, kelmarin.

Pegawai Pemerintah Batalion 5 PGA, Superintenden Dimin Awang berkata, serbuan itu melibatkan rampasan minyak diesel berjumlah keseluruhan kira-kira RM1.42 juta.

"Ketiga-tiga suspek berusia antara 36 hingga 40 tahun ditahan di sebuah premis beralamat di Jalan Cenderai 21, Taman Kota Puteri, Masai, pada pukul 12 tengah hari.

"Siasatan awal mendapati suspek menjual minyak diesel berkenaan dengan harga RM3.85 per liter kepada pengguna kapal di sekitar Klang," katanya semalam.

Menurut Dimin, hasil pemeriksaan yang dijalankan terhadap dua mesin *flow meter* mendapati jumlah minyak diesel yang dipam ke dalam tangki melebihi satu juta liter.

"Antara barangan yang dirampas ialah 43,000 liter minyak diesel bersubsidi, tiga tangki masing-masing berkapasiti 40,000 liter, 35,000 liter dan 25,000 liter selain 51 tong lutsinar kapasiti 1,000 liter setiap tong dan empat mesin pam elektrik.

"Tangkapan dan rampasan kemudian diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor untuk tindakan lanjut," ujarnya.



Antara borongan dan peralatan untuk seludup diesel subsidi dirampas PGA. (Fotografi BN 5 PGA)

3 ditahan, sindiket seludup diesel bersubsidi tumpas

Jual bahan api
RM3.85 seliter
kepada pengguna
kapal di Klang

Oleh Mohamad Fahd Rahmat
bhnews@bh.com.my

Johor Bahru: Batalion 5 Pasukan Gerakan Am (PGA) mematahkan rangkaian sindiket penyeludupan diesel bersubsidi di sekitar daerah ini dan Klang, Selangor berikutan penahanan tiga suspek lelaki, kelmarin.

Pegawai Pemerintah Superintendan Dimin Awang, berkata sindiket didalangi warga tempatan termasuk seorang warganegara Indonesia berusia antara 36 hingga 40 tahun itu dipercayai sudah beroperasi sejak dua minggu lalu.

PGA turut merampas sejumlah alatan, kenderaan pengangkutan dan diesel dengan nilai rampasan keseluruhan berjumlah lebih RM1.4 juta.

Semua suspek ditahan di sebuah premis di Taman Kota Puteri, Masai, jam 12 tengah hari.

"Susulan tangkapan itu, kami merampas 51 tong lutsinar berkapasiti 1,000 liter setiap satu, empat mesin pam elektrik, 43,000 liter diesel bersubsidi, dua set hos getah lutsinar, sebuah treler tangki Volvo FM berkapasiti 40,000 liter, treler tangki berkapasiti 35,000 liter, treler tangki Hino 500 berkapasiti 25,000 liter dan sebuah lori tiga tan Hino Dutro.

"Hasil pemeriksaan ke atas dua mesin aliran meter mendapati ju-



Suspek sindiket seludup minyak diesel bersubsidi ditahan PGA.

mlah diesel yang sudah dipam ke dalam tangki melebihi satu juta liter," katanya dalam kenyataan.

Siasatan awal mendapati suspek menjual diesel dengan harga RM3.85 per liter kepada pengguna kapal di sekitar Klang, Selangor.

Bagi mendapatkan bekalan diesel, suspek dipercayai terlebih dahulu berpakat dengan tali barut di stesen minyak terpilih di sekitar Johor Bahru, untuk membeli diesel bersubsidi secara pukal sebelum menyeludupnya.

Modus operandi sindiket ini adalah membeli secara pukal atau mengikut had yang ada di stesen minyak dengan menggu-

nakan lori tangki kecil. Kemudian diesel dikumpulkan sebelum diproses untuk penghantaran ke Klang, Selangor menggunakan lori tangki besar.

"Biasanya mereka berpakat dengan stesen minyak terpilih dan kes masih dalam siasatan termasuk mengenal pasti saki baki dalam sindiket ini.

"Anggaran keseluruhan nilai rampasan RM1,427,350. Tangkapan dan rampasan diserahkan kepada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor untuk tindakan lanjut," katanya kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Sindiket berkomplot dengan tali barut di stesen minyak untuk beli bahan bersubsidi

Jual diesel seludup kepada kapal laut

Oleh KHAIRUL MOHD. ALI

JOHOR BAHRU – Beli minyak diesel dengan harga murah dan kumpul sebelum jual semula kepada pengendali kapal.

Itu antara modus operandi rangkaian sindiket penyeludupan minyak diesel bersubsidi yang berjaya ditumpaskan Batalion 5 Pasukan Gerakan Am (PGA) susulan penahanan dua warga tempatan dan seorang warga asing kelmarin.

Pegawai Pemerintah Batalion 5 PGA, Superintendan Dimin Awang berkata, sindiket berkenaan dipercayai membekalkan bahan bersubsidi itu di sekitar daerah ini dan Klang, Selangor.

Katanya, hasil serbuan ke atas sebuah premis di Jalan Cenderai 21, Taman Kota Puteri, Masai di sini, pihaknya telah membuat rampasan keseluruhan bernilai lebih RM1.42 juta.

"Ketiga-tiga suspek yang ditahan berusia antara 36 hingga 40 tahun.

"Hasil pemeriksaan terhadap dua mesin 'flow meter' mendapati jumlah diesel yang telah di-

pam ke dalam tangki simpanan adalah melebihi 1 juta liter.

"Antara barangan yang dirampas termasuklah 43,000 liter minyak diesel bersubsidi, sebuah tangki berkapasiti 40,000 liter, sebuah tangki berkapasiti 35,000 liter, sebuah tangki berkapasiti 25,000 liter, 51 tong lutsinar kapasiti 1,000 liter setiap tong dan empat mesin pam elektrik," tambahnya.

Menurut beliau, siasatan awal mendapati sindiket ini akan berpakat dengan tali barut di stesen minyak terpilih di sekitar Johor Bahru sebelum membeli diesel bersubsidi bagi tujuan penye- ludupan.

Katanya, sindiket juga akan membeli secara pukal atau mengikut had yang ada di stesen minyak dengan menggunakan lori tangki kecil.

"Siasatan mendapati suspek menjual minyak diesel berkenaan dengan harga RM3.85 per liter kepada pengguna kapal di sekitar Klang, Selangor," katanya.

Dimin memberitahu, kes tersebut akan disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.



TANGKI mengandungi minyak diesel seludup yang ditemui dalam serbuan di sebuah premis di Taman Kota Puteri, Masai, Pasir Gudang, Johor, kelmarin.

Stesen minyak disyaki bersekongkol

Sindiket beli secara pukal untuk dijual semula kepada pengguna kapal

Oleh NOR AZURA MD AMIN

JOHOR BAHRU

Batalion 5 Pasukan Gerakan Am (PGA) Simpang Renggam menumpaskan satu sindiket penyeludupan minyak diesel bersubsidi di sekitar Johor Bahru dan Klang, Selangor susulan penahanan tiga suspek termasuk seorang warga asing pada Ahad.

Pegawai Pemerintahnya, Superintendan Dimin Awang, berkata, pihaknya merampas empat lori, pam elektrik dan diesel bersubsidi dianggarkan bernilai RM1.43 juta.

"Pada Ahad, kira-kira jam 12

tengah hari, sepasukan pegawai dan anggota dari Batalion 5 PGA menahan dua lelaki warga tempatan dan seorang warganegara Indonesia yang berumur lingkungan 36 hingga 40 tahun di sebuah premis di Taman Kota Puteri, Masai.

"Polis membuat rampasan tiga buah lori treler tanker, sebuah lori muatan tiga tan, 51 tong lutsinar berkapasiti 1,000 liter setiap tong, empat mesin pam elektrik dan dua set hos getah lutsinar.

"Turut dirampas minyak diesel bersubsidi anggaran jumlah keseluruhan 43,000 liter," katanya menerusi kenyataan pada Isnin.

Menurut Dimin, hasil pemeriksaan ke atas dua mesin 'flow meter' mendapati jumlah diesel yang telah dipam ke dalam tangki telah melebihi satu juta liter.

"Siasatan awal dilakukan juga mendapati suspek telah menjual minyak diesel dengan

harga RM3.85 per/liter kepada pengguna-pengguna kapal di sekitar Klang, Selangor.

"Suspek telah membeli diesel secara pukal dengan mengikut had ditetapkan stesen minyak menggunakan lori kecil lalu dikumpulkan di premis terbabit, sebelum dihantar menggunakan lori lebih besar ke Klang.

"Dipercayai suspek berpakat dengan stesen minyak terpilih, katanya.

Jelas Dimin, menerusi tangkapan dan rampasan itu pihaknya berjaya memutuskan satu rangkaian sindiket penyeludupan minyak (diesel) bersubsidi di sekitar daerah Johor Bahru dan Klang, Selangor.

"Tangkapan dan rampasan diserahkan kepada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor untuk tindakan lanjut.

"Kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.



Salah seorang suspek anggota sindiket penyeludupan diesel yang ditahan oleh Pasukan Gerakan Am di sebuah premis di Masai pada Ahad.

Berpakat beli diesel subsidi cara pukal

Johor Bahru: Batalion 5 Pasukan Gerakan Am (PGA) menumpaskan satu rangkaian sindiket penyeludupan minyak diesel bersubsidi di sekitar daerah ini dan Klang, Selangor susulan tangkapan tiga suspek kelmarin.

Pegawai Pemerintahnya, Superintendent Dimin Awang berkata, dua lelaki tempatan dan seorang lelaki warga Indonesia berumur 36 hingga 40 tahun itu ditahan kira-kira jam 12 tengah hari dalam serbuan di sebuah premis di Jalan Cenderai 21, Taman Kota Puteri, Masai dekat sini.

Katanya, pihaknya turut merampas sejumlah alatan, kenderaan dan minyak diesel dengan nilai rampasan keseluruhan dianggarkan

berjumlah lebih RM1.4 juta.

"Rampasan membabitkan 51 tong berkapasiti 1,000 liter setiap, empat mesin pam elektrik, minyak diesel bersubsidi 43,000 liter, sebuah lori tangki berkapasiti 40,000 liter, sebuah lori tangki berkapasiti 35,000 liter, sebuah lori tangki berkapasiti 25,000 liter dan sebuah lori tiga tan.

"Hasil pemeriksaan ke atas dua mesin aliran meter mendapati

jumlah diesel yang sudah dipam ke dalam tangki melebihi satu juta liter," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, siasatan awal yang dilakukan juga mendapati suspek menjual minyak diesel dengan harga RM3.85 per liter kepada pengguna kapal di sekitar Klang, Selangor.

Katanya, bagi mendapatkan bekalan minyak diesel, suspek dipercayai terlebih dahulu berpakat dengan tali barut di stesen minyak terpilih di sekitar Johor Bahru, untuk membeli minyak diesel bersubsidi secara pukal.

"Modus operandi

sindiket seperti ini kebiasaannya mereka akan membeli secara pukal atau mengikut had yang ada di stesen minyak dengan menggunakan lori tangki kecil.

"Kemudian minyak diesel itu dikumpulkan sebelum diproses untuk penghantaran ke Klang, Selangor menggunakan lori tangki besar.

"Kebiasaannya mereka berpakat dengan stesen minyak terpilih dan kes masih dalam siasatan termasuk mengenal pasti saki baki ahli sindiket ini," katanya.

Katanya, tangkapan dan rampasan diserahkan kepada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor untuk tindakan lanjut," katanya.



Lelaki ditahan ketika isi 400 liter diesel

Gua Musang: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menahan seorang lelaki ketika sedang mengisi diesel melebihi had yang dibenarkan, kelmarin.

Dalam kejadian jam 8.45 pagi, lelaki berusia 50-an itu

mengisi diesel ke dalam dua tong dram di belakang kenderaan melebihi had yang dibenarkan iaitu sebanyak 200 liter.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Gua Musang, Mohd Koma Shapil berkata, tangkapan itu di-

lakukan susulan maklumat awam berkaitan kegiatan membeli minyak bersubsidi terbabit.

"Pemeriksaan awal mendapati pemandu itu sudah membuat pengisian diesel lebih kurang 400 liter menyebabkan suspek ditahan

manakala bahan bakar turut disita.

"Stesen minyak terbabit juga disiasat bagi memastikan tiada elemen 'bersubahat' dalam kejadian berkenaan," katanya menerusi kenyataan di sini, semalam.

Naik 'kapcai' seleweng minyak peket

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA
shofi.sa@mediamula.com.my

KUANTAN: Yayasan Pengguna Negara Malaysia (YPNM) memperoleh maklumat tentang kegiatan individu menaiki motosikal 'kapcai' membeli minyak masak peket bersubsidi satu kilogram di kedai-kedai runcit dan pasar raya.

Sehari hanya dengan menaiki 'kapcai', mereka boleh mengumpul 100 peket minyak masak yang dibeli dengan harga RM2.50 dan menjual kepada 'mafia' dengan harga RM4.50 sepeket.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden YPNM, Datuk Mohd. Firdaus Abdullah mendakwa, modal dikeluarkan hanya RM250 dan memperoleh keuntungan RM200 sehari.

"Dengan untung lumayan, ramai yang sanggup melakukannya dan kegiatan ini didapati berlaku di seluruh negara.

"Jika 1,000 orang yang melakukan kegiatan ini, berapa



BEKALAN minyak masak peket sering diseleweng oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mengaut untung berlipat kali ganda.

banyak minyak peket diseleweng sehari. Kumpulan ini yang menjadi salah satu puncanya bekalan minyak masak peket berkurangan," katanya di sini semalam.

Walaupun Malaysia merupakan pengeluar utama minyak

sawit, tetapi bekalan minyak masak peket satu kilogram bersubsidi masih sukar diperoleh sehingga kini dan ia berlarutan sejak sekian lama.

Keluhan demi keluhan dilakukan termasuk di media tempatan, namun, isu berkenaan

masih terus berlarutan seolah-olah tiada tindakan diambil oleh pihak berwajib.

Mengulas lanjut, Mohd. Firdaus mendakwa, isu kekurangan minyak masak peket bersubsidi tidak akan selesai jika 'tangan ghaib' yang melindungi kegiatan 'mafia' yang menyeleweng bekalan itu demi keuntungan berlipat kali ganda tidak dihapuskan segera oleh kerajaan.

Dakwanya, kumpulan 'mafia' minyak masak itu terus bermaharajalela dan menggunakan pelbagai modus operandi bagi mendapatkan stok minyak peket sekali gus menjadikan bekalan mereka berkurangan di pasaran negara.

"Difahamkan, kumpulan 'mafia' ini mampu mengaut keuntungan besar dan cukup lumayan yang mencecah ratusan juta bilion ringgit menerusi penjualan minyak masak yang dikumpul di pasaran gelap dan antarabangsa.

"Mereka (mafia minyak masak) disokong oleh peniaga, pembekal dan pihak pembungkus yang turut bersama-sama menyeleweng minyak masak peket bersubsidi demi memperoleh keuntungan cukup lumayan yang mencecah 150 hingga 200 peratus," dakwanya.

Mohd. Firdaus berkata, seperti mana difahamkan, setiap bulan minyak sawit peket satu kilogram adalah cukup untuk kegunaan rakyat di negara ini.

"Tapi, boleh dikatakan setiap bulan minyak masak peket bersubsidi satu kilogram ini tidak mencukupi, ke mana perginya minyak peket ini yang menjadi persoalan," soalnya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, YPNM meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menubuhkan jawatankuasa khas untuk mengkaji selidik dan menyiasat ketirisan minyak masak peket yang merugikan ekonomi negara melebihi RM1 bilion setahun.

Usah kelirukan pengguna dengan cap dagangan lancung, palsu

Oleh Dr Haliza A Shukor
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Fakulti
Syariah dan
Undang-Undang,
Universiti Sains
Islam Malaysia
(USIM)

Rampasan barangan tiruan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menjadi isyarat amaran kepada peniaga agar berhati-hati dalam menjual barangan. Apatah lagi, musim perayaan menyebabkan orang ramai bersemangat untuk menyediakan persiapan bagi menyambut Aidilfitri, sekali gus memberikan peluang besar kepada peniaga untuk mengaut keuntungan semaksimal mungkin.

Peniaga bertanggungjawab memastikan barangan dijual tidak menyalahi mana-mana undang-undang, termasuk barang menggunakan cap dagangan berdaftar palsu. Perbuatan itu antara kesalahan diperuntukkan di bawah Akta Cap Dagangan 2019 (Akta 815).

Menurut Akta 815, cap dagangan bermaksud apa-apa tanda dinyatakan secara grafik yang boleh membezakan barangan dan perkhidmatan antara satu perusahaan dengan perusahaan lain.

Dalam erti kata lain, seseorang penjual menjual barangan mengandungi cap dagangan berdaftar

pada pembalut atau label produk berkenaan, sedangkan barang berkenaan bukan barang tulen pemilik cap dagangan berdaftar boleh dikenakan hukuman, sama ada denda, penjara, atau kedua-duanya sekali di bawah seksyen 102 Akta 815.

Apatah lagi sekiranya ia membabitkan penggunaan cap dagangan terkenal. Perlu diingat, cap dagangan terkenal, sama ada didaftarkan di Malaysia atau luar negara dan walaupun tidak menjalankan perniagaan di negara ini, masih layak diberikan perlindungan di bawah Akta 815 seperti termaktub dalam Seksyen 76(1).

Pemilik cap dagangan berkenaan berhak menaah penggunaannya di negara ini melalui perintah injuksi sekiranya penggunaannya menyebabkan kekeliruan atau menunjukkan kaitan antara produk asal yang mungkin merosakkan kepentingan pemiliknya.

Selain itu, peniaga juga perlu berhati-hati dengan tidak menyalahgunakan cap dagangan lancung yang juga menjadi kesalahan di bawah Akta 815. Cap dagangan lancung ialah tanda serupa dengan cap dagangan berdaftar, dipakaikan pada barangan tanpa persetujuan pemilik berdaftar cap dagangan berkenaan untuk memperdaya pelanggan.

Ia menggambarkan barangan itu seumpama barangan tulen pemilik cap dagangan berdaftar, sekali gus menjadikan barangan mengguna pakai cap dagangan berkenaan dikategorikan sebagai barang lancung. Sekiranya seseorang didapati melancarkan cap dagangan berdaftar, sama ada dengan niat menipu atau memalsukan cap dagangan berdaftar tulen, hukuman denda, penjara atau kedua-duanya boleh dikenakan.

Justeru, peniaga perlu memahami Akta 815 bukan sahaja memberikan kemudahan untuk mereka mendaftarkan apa-apa tanda untuk digunakan pada barang atau perkhidmatan, bahkan memberikan perlindungan dalam memastikan cap dagangan berdaftar digunakan hanya pada barang tulen pemilik asal.

Oleh itu, peniaga perlu peka terhadap penggunaan cap dagangan dipakaikan kepada barang jualan mereka untuk mengelakkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat awam terhadap barangan dijual, sekali gus menjaga reputasi baik mereka.

Bukan itu sahaja, peniaga perlu memastikan cap dagangan digunakan pada barangan jualan tulen daripada pemilik cap dagangan berdaftar berkenaan kerana sebarang kealpaan boleh menyebabkan hukuman akibat melanggar Akta 815.

HARI : SELASA

TARIKH : 19/04/2022

M/SURAT : 16

 Senarai Harga Barang Keperluan	• Ayam	RM8.30	• Telur Gred A	RM12.60	• Gula Pasir	RM2.85	• Cili Merah	RM11.95
	• Daging Lembu Tempatan	RM45	• Ikan Kembung	RM10.65	• Bawang Besar Holland	RM2.89	• Kubis Tempatan	RM1.99
	• Daging Lembu Import	RM28	• Minyak Masak	RM6.30	• Bawang Putih	RM5.50	• Tepung Gandum	RM2.25
*Harga (RM/kg) Sumber: KPN/HEP								